

GOMBAK: Penduduk sekitar Jalan Mutiara, Gombak Setia bimbang risiko dilanda banjir kilat apabila aliran air sungai bersebelahan rumah mereka tersekat selepas sebatang pokok tumbang ke dalamnya akibat di panah petir.

Pokok sebesar satu pemeluk dengan ketinggian lebih 15 meter itu tumbang ke dalam sungai ketika hujan lebat pada 3 Julai lalu menyebabkan pelbagai sampah-sarap dan aliran air tersekat di situ.

Kejadian itu juga menyebabkan sebuah rumah hampir dihempap pokok berkenaan apabila sebahagian daripada pokok berkenaan jatuh ke atas laman dan hanya memusnahkan taman bunga di situ.

Penduduk mendakwa segera menghubungi beberapa pihak bertanggungjawab bagi mengalihkan batang pokok yang tumbang ke dalam sungai untuk mengelakkan kemungkinan berlakunya banjir khususnya pada musim tengkujuh ini.

Malangnya kerenah birokrasi menyebabkan pihak berkenaan saling menolak antara satu sama lain hanya untuk kerja mengeluarkan dan mengalihkan batang pokok berkenaan sehingga menyebabkan ia masih di situ sehingga hampir tiga minggu lamanya.

Seorang penduduk yang hanya mahu dikenali sebagai Maziah berkata, dia buntu selepas Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) saling

Tiga agensi saling menolak tanggungjawab



POKOK yang tumbang ke dalam Sungai Bolongkong yang menyebabkan banjir di kawasan Gombak Setia.

MPS, JPS dan DBKL dakwa bukan tugas mereka alih pokok tumbang

tolak menolak kerja pengalihan berkenaan.

“Kejadian berlaku pada petang Sabtu dan saya menghubungi JPS tetapi mereka mengatakan oleh kerana itu bukan sungai tetapi longkang, ia bukan bidang kuasa mereka. Bagaimanapun, sepanjang pengetahuan saya yang tinggal di sini sejak 1963, ia dikenali sebagai Sungai Bolongkong.

“Mereka kemudian meminta saya menghubungi bahagian kutipan sampah MPS pada hari Isnin tetapi MPS pula mengatakan ia tidak berkaitan dan

“Setiap kali hujan lebat, paras air sungai ini akan naik dan hampir melimpah ke atas akibat banyak sampah sarap yang terperangkap”

Maziah
Penduduk

meminta saya menghubungi JPS semula. JPS kata akan turun ke tempat berkenaan tetapi bila dihubungi semula, mereka beri alasan tidak dapat berbuat apa-apa kerana pokok berkenaan jatuh ke dalam sungai DBKL,” katanya.

Katanya, kerenah birokrasi itu hanya akan menyebabkan penduduk menjadi mangsa banjir sekiranya pokok berkenaan tidak segera dikeluarkan dari dalam sungai. Berdasarkan sejarah sebelum ini, kawasan berkenaan kerap mengalami banjir terutama

pada musim hujan.

“Setiap kali hujan lebat, paras air sungai ini akan naik dan hampir melimpah ke atas akibat banyak sampah sarap yang terperangkap. Bayangkan jika batang pokok ini masih di situ, tentulah banjir boleh berlaku.

“Kami berharap, pihak berkaitan janganlah terlalu mengikut birokrasi sehingga menyusahkan orang ramai. Apa salahnya keluarkan saja pokok berkenaan kerana kawasan ini boleh dinaiki air bila-bila masa,” katanya.